

**BERITA TERKINI** Pesawat terhempas di Nepal: Juruterbang lapor tiada kuasa pada enjin

## MAM Malaysia perkenal dana Maybank Global Wealth Conservative-I Fund

February 15, 2023 Written by Media Baharu Published in Ekonomi



(Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Sdn Bhd, Ahmed Muzni Mohamed pada pelancaran Maybank Global Wealth Conservative-I Fund)

**KUALA LUMPUR, 15 Februari-** Maybank Asset Management Sdn Bhd; MAM Malaysia memperkenalkan dana Maybank Global Wealth Conservative-I Fund, sebagai alternatif kepada perancangan persaraan rakyat di negara ini.

Dana pelbagai aset patuh Syariah itu merupakan sebahagian daripada tawaran Penyelesaian Persaraan Fleksibel Maybank yang dilancarkan tahun lepas.

Dana tersebut bertujuan memberi pembayaran pendapatan lebih tinggi selain modal dengan agihan pendapatan disasarkan sebanyak 7% setahun.

"Kadar simpanan persaraan di negara ini masih rendah. Anda mungkin mempunyai KWSP atau Skim Persaraan Swasta. Namun, dana adalah tambahan kepada kedua-duanya. Jadi dana ini bukanlah persaingan kepada KWSP, hanya sebagai tambahan kepadanya.

"Memandangkan 70% daripada rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan minimum sebanyak RM240,000 dalam KWSP jadi ini satu peluang kepada mereka,"kata Ahmed Muzni Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Sdn Bhd.

MAM Malaysia turut menyasarkan aset di bawah pengurusan; AUM sehingga RM200 juta bagi dana tersebut tahun ini.

Sementara itu jelas Ahmed Muzni, tiga dana persaraan yang ditawarkan memberi lebih banyak fleksibiliti serta pilihan kepada rakyat Malaysia untuk memulakan perancangan persaraan.



(Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Sdn Bhd, Ahmed Muzni Mohamed ketika sidang media selepas melancarkan Maybank Global Wealth Conservative-I Fund)

## LAGI BERITA EKONOMI

[Bursa Malaysia dibuka rendah](#) 16-02-2023 10:44:04

[Ringgit dibuka rendah berbanding dolar AS](#) (32) 16-02-2023 10:06:55

[Belian lewat dorong Bursa Malaysia, CI ditutup pada paras tertinggi harian](#) (75) 15-02-2023 22:21:17

[Kadar antara bank jangka pendek ditutup stabil](#) (57) 15-02-2023 20:36:57

[Ringgit ditutup rendah susulan penurunan sentimen risiko tempatan](#) (46) 15-02-2023 20:24:59

[Prestasi perjalanan udara dijangka kembali ke tahap sebelum pandemik](#) (52) 15-02-2023 19:54:30

[Pasaran getah ditutup rendah ekoran penurunan harga minyak mentah](#) (75) 15-02-2023 17:48:35

[Bursa Malaysia kekal rendah pada sesi dagangan tengah hari](#) (58) 15-02-2023 13:28:59

[MAM Malaysia perkenal dana Maybank Global Wealth Conservative-I Fund](#) (150) 15-02-2023 12:10:47

[Ringgit dibuka rendah berbanding dolar AS meskipun data IHP AS lemah](#) (74) 15-02-2023 10:26:24